



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/11/23_61 (HQ)

KERJASAMA STRATEGIK TNB DAN KERAJAAN NEGERI PERAK MEMACU INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU BERSKALA BESAR

- TNB Genco dan PKNPk bekerjasama untuk meneroka potensi solar terapung di Skim Hidroelektrik, Empangan dan Takungan Sungai Perak
- TNB Renewables dan Maju Perak Holdings Bhd menerokai peluang kerjasama dalam projek Taman Solar NETR 100 MW dan solar terapung di permukaan air negeri Perak

Tenaga Nasional Berhad (TNB), dalam satu lagi langkah penting untuk memacu tenaga boleh baharu (TBB) berskala besar selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk meneroka potensi sistem solar terapung di sekitar kawasan Skim Hidroelektrik, Empangan dan Takungan Sungai Perak.

Dalam usaha selari di bawah projek Taman Solar NETR, TNB bekerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan negeri Perak, Majuperak Holdings Berhad (MHB) untuk membangunkan projek Taman Solar dengan kapasiti 100 Megawatt (MW) di negeri itu.

Pertama, kerjasama strategik TNB melalui anak syarikat milikan penuh, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) bekerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk). Manakala kerjasama kedua adalah antara satu lagi anak syarikat milikan penuh TNB, TNB Renewables Sdn Bhd (TRe) dan MHB. Inisiatif ini mencerminkan komitmen kolektif untuk menyegerakan peralihan Malaysia kepada sumber tenaga yang lebih bersih dan mampan, sejajar dengan objektif NETR.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din menyatakan, "Usaha berwawasan ini adalah selari dengan NETR yang bertujuan untuk memacu Malaysia ke arah masa depan bersumberkan tenaga yang lebih bersih dan mampan. Kerjasama strategik dengan entiti Kerajaan Negeri Perak menandakan komitmen kolektif untuk mempercepatkan peralihan kepada tenaga mesra alam."

Kedua-dua kerjasama itu dirasmikan melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) semasa Persidangan Peralihan Tenaga 2023 yang diadakan pada Ogos lalu, dengan masing-masing menjurus ke arah meningkatkan portfolio TBB Malaysia dan dalam masa yang sama mengurangkan pelepasan karbonnya.

S.A. 2023/11/23_61 (HQ)

Mengulas lanjut mengenai kerjasama TNB Genco-PKNP, Baharin berkata, “Inisiatif perintis ini bakal memberi sudut pandang baharu tentang penjanaan tenaga kerana kedua-dua pihak akan memulakan kajian kebolehlaksanaan yang meluas untuk pembangunan sistem Solar Fotovoltaik Terapung (FSPV). Tempoh masa dua tahun untuk kajian komprehensif ini jelas menunjukkan keazaman TNB Genco dan PKNP terhadap bidang TBB sejajar inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Dengan memanfaatkan kuasa teknologi hibrid, khususnya hidro dan FSPV, objektif kami adalah untuk menyokong sasaran TBB negara dengan menggunakan tanah dan air yang sedia ada secara cekap.”

Bagi kerjasama TRe-MHB, Baharin menyatakan, “Perak telah dikenal pasti sebagai salah satu negeri yang berpotensi untuk pembangunan ini, dengan MHB diamanahkan sebagai entiti kerajaan negeri untuk menjayakan inisiatif ini. Perjanjian MoU ini menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi kedua-dua pihak untuk meneroka kebolehlaksanaan pembangunan Taman Solar NETR dan solar terapung di Perak.”

“TRe bersedia untuk membangunkan projek solar 100 MW di lima tapak di beberapa negeri di bawah projek Taman Solar NETR. Projek itu akan dimiliki secara bersama oleh TRe sebagai pemaju induk serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan agensi negeri.” tambahnya lagi.

Siri kerjasama strategik TNB ini mencerminkan dedikasinya untuk mengubah landskap tenaga Malaysia, memajukan TBB, dan menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau dan mampan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 November 2023, jam 11:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731
atau emel kami: media@tnb.com.my*

S.A. 2023/11/23_61 (HQ)



Pertukaran dokumen MoU telah disempurnakan secara rasmi antara Pengarah Urusan TNB Genco, Ir. Muhamad Nazri Pazil (tiga dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Datuk Redza Rafiq (lima dari kanan).

Pertukaran dokumen MoU ini disaksikan Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad (lima dari kiri); Pengurus TNB, Dato Abdul Razak Abdul Majid (tengah); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din (empat dari kanan); Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua dari kiri); Ketua Pembangunan Perniagaan dan Komersial TNB Genco, Datuk Mohd Hisham Ab Halim (kiri sekali); EXCO Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Negeri Perak, Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin (empat dari kiri); Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Mohd Zaki Mahyudin (tiga dari kanan); EXCO Sains, Alam Sekitar, dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Teh Kok Lim (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Eksekutif PKNP, Tuan Syed Omar Albar Syed Abdullah (kanan sekali).

S.A. 2023/11/23_61 (HQ)



Pertukaran dokumen MoU itu secara rasminya disempurnakan oleh Ketua Pegawai Tenaga Baharu TNB, Mohd Zarihi Mohd Hashim (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MHB, Syed Agil Syed Hashim (dua dari kanan).

Pertukaran ini disaksikan oleh Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad (lima dari kiri); Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (tengah); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din (lima dari kanan); Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (tiga dari kiri); Pengarah Urusan TRe, Mohd Yusrizal Mohd Yusof (kiri sekali); EXCO Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Negeri Perak, Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin (empat dari kiri), Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Mohd Zaki Mahyudin (empat dari kanan), EXCO Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, Teh Kok Lim (tiga dari kanan) dan Ketua Pegawai Kewangan MHB, Ahmad Izral Abdul Karim (kanan sekali).